

Program Skim Kilang SME Bank suntik semangat

SHAH ALAM: Usahawan Bumiputera perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menyifatkan Program Skim Kilang SME Bank (SKB) mampu memberi suntikan semangat untuk mereka memajukan perniagaan.

Malah, mereka bersetuju program keusahawanan seumpama itu perlu diteruskan bagi memantapkan peranan usahawan Bumiputera PKS dalam pembangunan negara.

Pengarah syarikat Anfort Corporation Sdn Bhd (Anfort Corporation), Nooriah Hasbullah, berkata program itu banyak membantu usahawan mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat lebih tinggi.

Katanya, beliau sendiri sudah berjaya mengembangkan syarikatnya yang sebelum ini bertempat di Kompleks Kilang SME Bank (KKB) TTDI Jaya ke kawasan perindustrian Subang Hi-Tech.

Anak pengasas syarikat pembungkusan dan pengedaran beras Syarikat Faiza Sdn Bhd, Najwa Abu Bakar, pula berharap usahawan Bumiputera lain dapat menyertai SKB kerana ia bermanfaat untuk mereka yang menceburi bidang keusahawanan.

“Syarikat yang diasaskan ibu, Faiza Bawumi Sayed



Nooriah Hasbullah

Ahmad, banyak mendapat manfaat daripada program ini,” katanya ketika ditemui selepas majlis penutupan Seminar Permuafakatan Peserta Program SKB 2010 di sini, semalam.

Majlis penutupan seminar kali ketiga anjuran SME Bank itu disempurnakan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir.

Seramai 17 usahawan graduan SKB menerima plak serta sijil penyertaan pada seminar tiga hari kali ini yang bertemakan ‘Transformasi Usahawan Bumiputera: Peluang dan Cabaran Masa Kini’.

Seminar itu bertujuan mengeratkan hubungan niaga sesama peserta agar mereka lebih komited dalam perniagaan dan meningkatkan pembabitan usahawan Bumiputera dalam bidang pembuatan serta perkhidmatan.

Sehingga kini, 60 graduan berjaya menyertai program itu sejak diperkenalkan pada 1983.

Pengerusi SME Bank, Datuk Gumuri Hussain, berkata pengisian KKB kini pada tahap memuaskan apabila lebih 90 peratus kilang disewakan, manakala tiga kompleks kilang baru sedang dan akan dibina di Sungai Ramal, Kajang dan Bangi menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

“Setakat ini, kerajaan memperuntukkan RM334.76 juta bagi menjayakan program SKB di seluruh negara,” katanya.

Selain Syarikat Faiza Sdn Bhd dan Anfort Corporation, syarikat pengeluaran produk berasaskan herba HPA Industries Sdn Bhd, syarikat pengeluaran kicap, Ahza Food Products Sdn Bhd dan syarikat pembuat perabot makmal, Wajalab (M) Sdn Bhd turut dianugerahkan sebagai graduan skim berkenaan.